



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENERAPAN CERITA RAKYAT DIGITAL TERHADAP KEMAHIRAN BERTUTUR MURID SJKC



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENERAPAN CERITA RAKYAT DIGITAL TERHADAP KEMAHIRAN BERTUTUR MURID SJJC

FARAH HANANI BINTI KAMANOORNI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 MEI 2023

Perakuan Pelajar:

Saya, FARAH HANANI BINTI KAMANOORNI, M20201000659 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASIdengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk KEBERKESANAN PENERAPAN TEKNIK CERITA RAKYAT DIGITAL TERHADAP KEMAHIRAN BERTUTUR MURID SJKC adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR. NORMARINI BINTI NORZAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN PENERAPAN TEKNIK CERITA RAKYAT DIGITAL TERHADAP KEMAHIRAN BERTUTUR MURID SJKC dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN.

19 MEI 2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. NORMARINI BT NORZAN
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS





SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: KEBERKESANAN PENERAPAN TEKNIK CERITA RAKYAT DIGITAL TERHADAP KEMAHIRAN BERTUTUR MURID SJKC

No. Matrik / Matic's No.: M20201000659

Saya / I: FARAH HANANI BINTI KAMANOORNI

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DR. NORMARINI BT NORZAN
PENSYARAH KANAN
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI:
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 19 MEI 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)





PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, disertasi ini berjaya disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Menjunjung budi juga buat para pensyarah yang mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar sepanjang saya berada dalam pengajian sarjana ini. Terutamanya, Pensyarah Penyelia Dr. Normarini Binti Norzan yang sentiasa sabar dan tekal membimbang saya sepanjang menjadi anak didiknya. Tidak dilupa juga kepada Dr. Adenan bin Ayob, Profesor Madya Dr. Zulkifli bin Osman, Dr. Zuraini binti Ramli dan Profesor Madya Dr. Dahlia binti Janan yang memberi celik kepada saya mengenai pelbagai perkara khususnya dalam bidang Bahasa Melayu, penyelidikan dan juga pendidikan. Kepada pihak sekolah, guru-guru serta murid-murid di mana kajian ini dilaksanakan, terima kasih tidak terhingga atas kerjasama kalian. Tanpa kerjasama yang erat dan usaha yang dicurahkan, tidaklah dapat saya menghasilkan naskhah ini. Untuk rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana sentiasa meminjamkan semangat, memerah keringat, bertukar ilmu, berkongsi segala suka dan duka sepanjang kita bersama-sama dalam pengajian ini. Buat ahli keluarga dan teman-teman yang disayangi, tanpa galakan dan sokongan kalian, saya tidak menjadi seperti siapa saya pada hari ini. Teristimewa buat mak, mentua, adik beradik dan keluarga rapat, tanpa doa kalian, kebahagiaan belum tentu menjadi milik saya. Buat suami tercinta, terima kasih untuk segala pengorbanan dan sentiasa tetap ada untuk saya. Buat anak-anakkku yang disayangi, Ainaa, Azraa dan Aafi, ini hadiah daripada ibu untuk pengorbanan kalian. Ingatlah, cari ilmu dalam kehidupan sebagai bekalan hidup di sini dan di sana kelak. Untuk anak syurgaku, Abdul Rahim, ibu tamat belajar, Sayang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk 1) mengenal pasti permasalahan kemahiran bertutur aspek bersoal jawab yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu 2) melihat perbezaan pencapaian min yang signifikan dalam kemahiran bertutur aspek bersoal jawab antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan melalui Teknik Cerita Rakyat Digital dan 3) mengkaji perbezaan pencapaian min murid yang signifikan berdasarkan latar belakang sosial dalam kemahiran bertutur aspek bersoal jawab. Reka bentuk kajian kuantitatif digunakan iaitu kuasi-eksperimental. Pengumpulan data dilaksanakan melalui soal selidik dan ujian perbandingan pencapaian pra dan pasca secara hibrid iaitu campuran kaedah bersemuka dan di dalam talian. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif ialah statistik min skor dan nilai kekerapan manakala statistik inferensi ialah ujian-*t*. Kedua statistik ini dioperasi menggunakan perisian SPSS versi 26.0. Seramai ($n=61$) sampel dilibatkan iaitu ($n=30$) bagi kumpulan kawalan dan ($n=31$) kumpulan rawatan. Dapatkan kajian menunjukkan Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur mencatat nilai skor min tahap tinggi iaitu nilai min skor 3.65. Manakala, perbandingan perbezaan pencapaian min terhadap kemahiran bertutur aspek bersoal jawab menerusi penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital adalah signifikan dengan catatan nilai $p = 0.046$. Selain itu juga, aspek latar belakang sosial iaitu kaum dan bahasa pertama mempengaruhi pencapaian kemahiran bertutur aspek bersoal jawab murid dengan nilai p yang signifikan iaitu $p=0.000$. Kesimpulannya, penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital ialah alternatif yang berkesan dan komprehensif untuk menambah baik kemahiran bertutur dalam Bahasa Melayu khususnya pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi murid bukan penutur natif. Penggunaan teknologi digital juga sesuai dan memenuhi keperluan pendidikan masa kini.





THE EFFECTIVENESS OF DIGITAL FOLKLORE STORYTELLING TECHNIQUES ON THE SPEAKING PROFICIENCY SKILLS OF SJKC STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to 1) identify the problems of speaking skills specifically in the aspect of question and answer faced by students in learning Malay Language 2) to examine the significant difference of the mean achievement in the speaking skills specifically in the aspect of question and answer between the control group and treatment group through Digital Folklore Storytelling Techniques 3) to investigate the significant difference in the mean achievement of students based on their social background in the speaking skills specifically in the aspect of question and answer. A quantitative research design was used, namely quasi-experimental. Data collection was conducted through a questionnaire and a hybrid pre- and post-achievement comparison test, which was a combination of face-to-face and online methods. Descriptive statistics are mean score statistics and frequency value statistics, while inferential statistics are t-tests. Both of these statistics were operated using SPSS software version 26.0. A total of ($n=61$) samples were involved, comprising of ($n=30$) in the control group and ($n=31$) in the treatment group. The students' perception of speaking skills in PdPc recorded a high level of minimum score, which was 3.65. Meanwhile, the comparison of minimum achievement differences in speaking skills, specifically in the question and answer aspect, through the application of Digital Folklore Storytelling technique was significant with a recorded p -value of 0.046. The social background aspects, which are ethnicity and first language, also influence the achievement of students' speaking skills in the question and answer aspect, with a significant p -value of 0.000. In conclusion, the implementation of the Digital Folklore Storytelling Technique is an effective and comprehensive alternative to improve speaking skills in Malay Language, especially for learning Malay language as a second language for non-native speakers. The use of digital technology is also appropriate and meets the needs of modern education.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----



SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xviii
--------------------------	-------

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Soalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	17





1.7 Kerangka Konseptual Kajian	18
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Batasan Kajian	22
1.10 Definisi Operasional	24
1.10.1 Penerapan	24
1.10.2 Teknik Cerita Rakyat Digital	25
1.10.3 Kemahiran Bertutur	26
1.10.4 Murid SJKC	27
1.11 Rumusan Bab	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	29
2.2 Penceritaan Dalam Pendidikan Bahasa	29
2.3 Kesan Inovasi Penceritaan dalam Pendidikan Bahasa	31
2.4 Teori Hipotesis Input Krashen Dalam Teknik Cerita Rakyat Digital	34
2.4.1 Kesan Teori Hipotesis Input Krashen Dalam Pendidikan Bahasa Kedua dan Bahasa Asing	36
2.5 Kemahiran Bertutur Berasaskan Teknik Cerita Digital	40
2.5.1 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Kemahiran Bertutur Berasaskan Teknik Cerita Digital	41
2.5.2 Keberkesanan Kemahiran Bertutur Berasaskan Teknik Cerita Digital	53
2.6 Pengaruh Status Latar Belakang Sosial dan Minat Murid Terhadap Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	55
2.6.1 Kaum	55





2.6.2	Bahasa Pertama	58
2.6.3	Pendapatan Keluarga	61
2.6.4	Pendidikan Awal	66
2.6.5	Status Penjagaan	68
2.6.6	Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Pembelajaran Bahasa	71
2.7	Rumusan Bab	75

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	77
3.3	Sampel Kajian	80
3.4	Instrumen Kajian	81
3.4.1	Kertas Ujian Pencapaian Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal jawab	82
3.4.1.1	Kertas Ujian Pra	85
3.4.1.2	Kertas Ujian Pasca	86
3.4.2	Borang Soal Selidik	87
3.5	Kajian Rintis	90
3.6	Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif Secara Hibrid	91
3.6.1	Pengumpulan Data Statistik Deskriptif bagi Permasalahan Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Bahasa Melayu	91
3.6.2	Pengumpulan Data Ujian t bagi Pencapaian Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab dan Pengaruh Latar belakang Sosial.	93





3.7	Kaedah Penganalisisan Data Kuantitatif	100
3.7.1	Kaedah Penganalisisan Data Menggunakan Statistik Deskriptif	100
3.7.2	Kaedah Penganalisisan Data Menggunakan Ujian-t	101
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	102
3.8.1	Kesahan Muka	103
3.8.2	Kesahan Kandungan	103
3.8.3	Kesahan Konstruk	105
3.8.4	Kebolehpercayaan Menggunakan Kaedah Alpha Cronbach	106
3.9	Rumusan Bab	108

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	109
4.2	Latar belakang Responden	110
4.3	Permasalahan Kemahiran Bertutur Murid dalam Bahasa Melayu	110
4.3.1	(Bi) Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	111
4.3.2	(Bii) Cabaran Murid Dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	117
4.3.3	(C) Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	126
4.4	Keberkesanan Penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital terhadap Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	134





4.5 Pengaruh Latar Belakang Sosial Terhadap Pencapaian Murid dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	138
---	-----

4.6 Rumusan Bab	151
-----------------	-----

BAB 5**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pendahuluan	152
-----------------	-----

5.2 Perbincangan	153
------------------	-----

5.2.1 Permasalahan Kemahiran Bertutur Murid dalam PdPc Bahasa Melayu	153
--	-----

5.2.1.1 Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	154
---	-----

5.2.1.2 Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	158
---	-----

5.2.1.3 Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat Dalam Kemahiran Bertutur	162
---	-----

5.2.2 Keberkesanan Penerapan Teknik Cerita Rakyat Terhadap Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	166
---	-----

5.2.2.1 Perbandingan Pencapaian Min Ujian Pra Pasca Melalui Penerapan Teknik Cerita Rakyat Berbantu Buku Cerita	166
---	-----

5.2.2.2 Perbandingan Pencapaian MinUjian Pra Pasca Melalui Penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital	167
---	-----

5.2.2.3 Perbandingan Ujian Pra Melalui Penerapan Cerita Rakyat Berbantu Buku Cerita dan Teknik Cerita Rakyat Digital	168
--	-----

5.2.2.4 Perbandingan Pencapaian Min Ujian Pasca Melalui Penerapan Teknik Cerita rakyat Berbantu Buku Cerita dan Teknik Cerita Rakyat Digital	169
--	-----





5.2.3	Pengaruh Latar Belakang Sosial Murid Terhadap Pencapaian Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	170
5.2.3.1	Pengaruh Kaum dan Bahasa Pertama Terhadap Pencapaian Murid dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	170
5.2.3.2	Pengaruh Pendidikan Awal Terhadap Pencapaian Murid dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	172
5.2.3.3	Pengaruh Pendapatan Keluarga Terhadap Pencapaian Murid dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	172
5.2.3.4	Pengaruh Status Penjagaan Terhadap Pencapaian Murid dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	173
5.3	Implikasi Kajian	174
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	177
5.5	Penutup	180
RUJUKAN		183
LAMPIRAN		190





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Reka bentuk Kumpulan Ujian : Perbandingan antara dua kumpulan	79
3.2 Gred dan Gred Pemarkahan Ujian	83
3.3 Tahap Interpretasi Min Skor	101
3.4 Bilangan Pakar dan Nilai CVI yang diterima	104
4.1 Perbandingan Pencapaian Min bagi Kumpulan Kawalan pada Peringkat Ujian Pra dan Pasca Melalui Penerapan Teknik Cerita Rakyat Berbantu Buku Cerita	135
4.2 Perbandingan Pencapaian Min bagi Kumpulan Rawatan pada Peringkat Ujian Pra dan Pasca Melalui Penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital	136
4.3 Perbandingan Pencapaian Min antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan pada Peringkat Ujian Pra Melalui Penerapan Teknik Cerita Rakyat Berbantu Buku Cerita dan Digital	137
4.4 Perbandingan Pencapaian Min antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan pada Peringkat Ujian Pasca Melalui Penerapan Teknik Cerita Rakyat Berbantu Buku Cerita dan Digital	137
4.5 Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Responden dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Kaum	139
4.6 Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Kaum	140



4.7	Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Rawatan dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Kaum	141
4.8	Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Responden dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Bahasa Pertama	142
4.9	Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Bahasa Pertama	143
4.10	Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Rawatan dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Bahasa Pertama	144
4.11	Perbandingan Pencapaian Min Antara Ujian Pra Dan Pasca Bagi Responden dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Pendapatan	146
4.12	Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Pendapatan	147
4.13	Perbandingan Pencapaian Min Antara Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Rawatan dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Pendapatan	148
4.14	Perbandingan Pencapaian Min antara Ujian Pra dan Pasca bagi Responden dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Status Penjagaan	149
4.15	Perbandingan Pencapaian Min Antara Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan dalam Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Berdasarkan Status Penjagaan	150



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	18
2.1 Kerangka Teori dan Tinjauan Literatur	75
3.1 Fasa Metodologi	80
3.2 Tatacara Pengumpulan Data Menggunakan Instrumen Borang Soal Selidik Secara Hibrid	93
3.3 Tatacara Pengumpulan Data Menggunakan Instrumen Kertas Ujian	97
3.4 Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif Secara Hibrid	99
4.1 Carta Kolumn Taburan Min Skor bagi subdimensi Strategi Pengajaran Guru dalam PdPc Kemahiran Bertutur dalam dimensi Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	111
4.2 Carta Kolumn Taburan Min Skor bagi subdimensi Aktiviti dalam PdPc Kemahiran Bertutur dalam dimensi Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	112
4.3 Carta Kolumn Taburan Min Skor bagi subdimensi Penggunaan BBM dalam PdPc Kemahiran Bertutur dalam dimensi Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	113
4.4 Carta Kolumn Bertindan Taburan Kekerapan bagi subdimensi Strategi Pengajaran Guru dalam PdPc Kemahiran Bertutur dalam dimensi Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	114





4.5	Carta Kolumn Bertindan Taburan Kekerapan bagi subdimensi Aktiviti dalam PdPc Kemahiran Bertutur dalam dimensi Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	115
4.6	Carta Kolumn Bertindan Taburan Kekerapan bagi subdimensi Penggunaan BBM dalam PdPc Kemahiran Bertutur dalam dimensi Persepsi Murid Terhadap PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	116
4.7	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Cabaran Kemahiran Mendengar dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu.	118
4.8	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Cabaran Kemahiran Bertutur Aras Sederhana dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	119
4.9	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Cabaran Kemahiran Bertutur Aras Tinggi dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	120
4.10	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Cabaran Aktiviti Kemahiran Bertutur Berkumpulan dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	121
4.11	Carta Kolumn Bertindan Taburan Nilai Kekerapan Bagi Subdimensi Cabaran Kemahiran Mendengar dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	122
4.12	Carta Kolumn Bertindan Taburan Nilai Kekerapan Bagi Subdimensi Cabaran Kemahiran Bertutur Aras Sederhana dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	123
4.13	Carta Kolumn Bertindan Taburan Nilai Kekerapan Bagi Subdimensi Cabaran Kemahiran Bertutur Aras Tinggi dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	124
4.14	Carta Kolumn Bertindan Taburan Nilai Kekerapan Bagi Subdimensi Cabaran Aktiviti Kemahiran Bertutur Berkumpulan dalam Dimensi Cabaran Murid dalam PdPc Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	125





4.15	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Isi Kandungan Cerita Rakyat dalam dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	127
4.16	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Aktiviti Bersoal Jawab Melalui Cerita Rakyat dalam Dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	128
4.17	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Keperluan Meneruskan Penerapan Cerita Rakyat dalam Dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	129
4.18	Carta Kolumn Taburan Min Skor Bagi Subdimensi Persembahan Visual dan Audio dalam Dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	130
4.19	Carta Kolumn Bertindan Taburan Kekerapan bagi subdimensi Isi Kandungan Cerita Rakyat dalam dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	131
4.20	Carta Kolumn Bertindan Taburan Kekerapan bagi Subdimensi Aktiviti Bersoal Jawab Melalui Cerita Rakyat dalam Dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	132
4.21	Carta Kolumn Bertindan Taburan Kekerapan bagi Subdimensi Keperluan Meneruskan Penerapan Cerita Rakyat dalam Dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu	133
4.22	Carta Kolumn Bertindan Taburan Kekerapan bagi Subdimensi Persembahan Visual dan Audio dalam dimensi Minat Murid Terhadap Penerapan Cerita Rakyat dalam Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu .	134
5.1	Penerapan Modul Teknik Cerita Rakyat Digital Terhadap Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab	182





SENARAI SINGKATAN

ALS	Aplikasi Legenda Singapura
BM	Bahasa Melayu
CEFR	Common European Framework of Referencefor Languages
CRN	Cerita Rakyat Nusantara
COVID-19	Corona Virus Disease
DST	Digital Story Telling
EDS	English Digital Storytelling
EFL	English Foreign Language
ICT	Information and Communications Technology
IELTS	International English Language Testing System
JLPT	Japanese-Language Proficiency Test
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KSBM	Kerangka Standard Bahasa Melayu
KEMAS	Kemajuan Masyarakat
KPE	Korean Proficiency Exam
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
NA	Natural Approach
PAPN	Pusat Asuhan Permata Negara
PBD	Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdPr	Pengajaran dan Pembelajaran di rumah
PPP	Presentation, Practice, Production
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina





SK	Standard Kandungan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Standard Pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statiscal Package for the Social Sciences
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak
TPCK	Technological Pedagogical Content Knowledge
TEF	Test for Evaluating French
TOEFL	Test of English as Foreign Language
TPRS	Teaching Proficiency through Reading and Storytelling
UKBI	Uji Kemahiran Berbahasa Indonesia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XX

SENARAI LAMPIRAN

- A Modul Teknik Cerita Rakyat Digital
- B Borang Soal Selidik Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab Murid SJKC
- C Kertas Ujian Pra Pencapaian Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab
- D Kertas Ujian Pasca Pencapaian Kemahiran Bertutur Aspek Bersoal Jawab



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Mendengar dan bertutur berlaku dalam kehidupan secara semula jadi. Ini bermakna, kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran utama dan pertama yang dikuasai oleh kanak-kanak. Kedua-dua kemahiran ini seterusnya mewujudkan proses komunikasi yang berlaku dalam kehidupan. Komunikasi adalah sesuatu yang amat bermakna dalam kehidupan. Sebagai buktinya, bayi yang menguasai sesuatu bahasa sama ada secara pertuturan atau bahasa isyarat adalah lebih baik daripada bayi yang tidak menguasai mana-mana bahasa (Hall dan Caselli, 2019).

Mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang saling berkait. Mendengar merupakan kemahiran menerima komunikasi, manakala bertutur pula ialah kemahiran menyampaikan komunikasi. Pendengaran dalam kehidupan manusia dimulakan dengan pengecaman terhadap bunyi-bunyian. Bayi akan mengamati dan menerokai bunyi-bunyi yang didengar daripada persekitaran sekelilingnya lalu mengajuk bunyi-bunyian





tersebut. Kemahiran mendengar dan bertutur bermula daripada pemerolehan bahasa pertama. Bahasa pertama ialah istilah bahasa yang pertama dikuasai oleh seseorang dalam kehidupannya. Kebiasaannya, bahasa pertama seseorang akan dipengaruhi oleh individu yang rapat dengannya, misalnya ibu. Oleh itu, bahasa pertama juga dikenali sebagai bahasa ibunda. Proses pemerolehan bahasa pertama ini adalah seiring dengan perkembangan kemahiran mendengar dan bertutur dalam kehidupan. Bagaimanakah pendengaran dan pertuturan bermula dan berkembang?

Pemerolehan bahasa pertama sangat menakjubkan. Manusia normal dikatakan mempunyai Alat Pemerolehan Bahasa (*Language Acquisition Device*) serta Nahu Universal (*Universal Grammar*) yang berperanan penting dalam pemerolehan bahasa pertama yang berlaku secara dalaman (*innate*) (Chomsky, 2011). Selain itu, rangsangan daripada persekitaran (*nurture*) dan interaksi sosial (*interactionist*) juga mempengaruhi perkembangan bahasa pertama. Bermula daripada bunyi-bunyian seperti tangisan, *cooing*, *babbling*, akhirnya bahasa berkembang kepada penguasaan fonetik dan sintaksis. Seterusnya, bahasa menjadi lebih kompleks melalui pemahaman makna semantik yang tertentu. Bahasa pertama ialah bahasa yang menjadi akal budi iaitu alat pemikiran seseorang individu.

Pemerolehan bahasa pertama ini lazimnya bermula sejak usia 0 hingga 5 tahun. Perkembangan kemahiran mendengar dan bertutur kanak-kanak mula dilihat ketika mereka memperoleh kemahiran mengajuk bunyi-bunyian daripada alam sekeliling. Perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak seterusnya mula diperhatikan dalam beberapa aspek. Antaranya ialah penguasaan fonologi, pemerolehan sintaksis dan pemerolehan perbendaharaan kata (Zulkiefly Hamid, 2016). Kebiasaannya, kanak-kanak sudah dapat mencapai tahap transformasi dalam pemerolehan sintaksis iaitu





membina struktur ayat yang ringkas ketika berusia 4 tahun. Kanak-kanak seterusnya perlu mendapatkan pembelajaran bahasa secara formal. Pembelajaran bahasa secara formal diperlukan untuk perkembangan bahasa secara eksplisit. Rasionalnya, pengetahuan tasit yang diperoleh semasa pemerolehan bahasa pertama memerlukan pembelajaran lanjutan dalam bentuk yang eksplisit. Kanak-kanak perlu didedahkan kepada prinsip linguistik dalam nahu tatabahasa dan membina kecekapan berbahasa.

Pertuturan merupakan kemahiran bahasa terawal yang berpotensi untuk dikembangkan. Kemahiran bertutur tidak melibatkan latihan secara latih tubi kerana kanak-kanak sudah mempunyai asas dalam pertuturan. Malahan, mereka menggunakan untuk proses komunikasi dan interaksi sosial seperti perbualan dalam pergaulan. Melalui pertuturan, maklumat lebih mudah difahami dan diproses berbanding penulisan. Rantaian kemahiran yang biasanya terjadi bermula daripada kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan akhirnya kemahiran menulis. (Asmah Omar, 1992).

Kurikulum di Malaysia memfokuskan kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Penguasaan dalam kemahiran membaca dan menulis amat bergantung kepada kemahiran mendengar dan bertutur. Oleh itu, adalah penting bagi kanak-kanak untuk menguasai kemahiran mendengar dan bertutur. Di Malaysia, Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Perkara ini dinyatakan dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Malah, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 juga diwujudkan untuk pemantapan Bahasa Melayu. Oleh itu, adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk menguasai Bahasa Melayu. Penguasaan Bahasa Melayu yang paling asas adalah melalui kemahiran bertutur.





Oleh sebab penduduk di Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, Bahasa Melayu dituturkan oleh penutur natif dan penutur bukan natif. Penutur natif ialah individu yang bahasa pertamanya, Bahasa Melayu. Manakala, penutur bukan natif ialah individu yang bahasa pertamanya selain Bahasa Melayu. Melalui pendidikan formal, perkembangan bahasa penutur natif dan penutur bukan natif memerlukan pendekatan yang berbeza. Ini kerana terdapat jurang mula dalam perkembangan Bahasa Melayu mereka. Penutur natif perlu mendapatkan pengayaan Bahasa Melayu. Manakala, penutur bukan natif memerlukan biasaan bahasa. Melalui pengayaan bahasa dan biasaan bahasa, pengetahuan mengenai peraturan nahu tatabahasa dan kecekapan berbahasa dalam Bahasa Melayu yang meliputi aspek kesantunan berbahasa akan dipelajari. Sebagai guru bahasa, amat besar tanggungjawab yang tergalas di bahu dalam usaha penyampaian ilmu linguistik kepada semua murid tanpa mengira bangsa dan budaya. Antara cabaran utama adalah untuk memastikan penutur bukan natif mampu menguasai bahasa sasaran dengan baik.

Seiring dengan perkembangan teknologi, anjakan pedagogi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa juga turut berlaku. Tenaga pengajar didedahkan kepada kepelbagaian pedagogi terkini abad ke-21 untuk keperluan berhadapan generasi digital. Ini dibuktikan dalam kajian Nur Hidayah, Norfaizah, Abdul Rasid dan Normarini (2021). Kajian terhadap persepsi bakal guru terhadap kerjaya mendapati bahawa responden sangat positif dan bersetuju dengan penggunaan teknologi dan penerapan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 bertepatan pembelajaran murid pada masa kini. Ini adalah selari dengan penyataan dalam anjakan ke-7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), mengenai pemanfaatan *Information and Communication Technology (ICT)* bagi meningkatkan kualiti pengajaran di Malaysia.





Penggunaan ICT dalam pedagogi dapat dilaksanakan sebagai satu inovasi seterusnya menghasilkan PdPc yang bermakna. Ini termasuklah pendekatan pembelajaran teradun seperti *flipped classroom*, *Google Classroom*, serta penggunaan audio, video, animasi, gamifikasi dan sebagainya. Sebagai implikasi, guru dan murid seterusnya mampu membina kecekapan literasi digital.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kenyataan dalam anjakan ke-2 PPPM memfokuskan penguasaan setiap murid dalam kemahiran Bahasa Malaysia. Dicatatkan bahawa, murid disasarkan fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia menjelang tahun 2025. Malahan, 90 peratus daripada calon disasarkan mendapat pencapaian minimum gred kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pencapaian ini disasarkan terhadap semua calon SPM tanpa mengira kaum maupun bahasa ibunda. Persoalannya, adakah sasaran ini berjaya dicapai?

Kejayaan pemerkasaan penggunaan Bahasa Melayu bergantung kepada peranan daripada segenap lapisan masyarakat. Aspek kefasihan menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Melayu berjaya mencapai tahap bahasa standard. Lebih daripada itu, Bahasa Melayu perlu diangkat martabatnya sebagai bahasa ilmu. Realitinya, kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat masih belum mampu mencapai tahap kefasihan. Malahan, setelah memasuki fasa enam dekad diangkat sebagai bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu belum mencapai tahap sebagai bahasa ilmu. Ini dibuktikan melalui dapatan kajian Siti Nor Azhani, Adlina dan Ku Hasnita (2017), terhadap 407 orang mahasiswa dari pelbagai universiti awam di Malaysia.





Penggunaan Bahasa Melayu responden masih belum mencapai tahap mampu menonjolkan ketinggian nilai seni bahasa dalam memartabatkannya. Selain itu, Bahasa Melayu sebagai bahasa standard pula menunjukkan bahawa penggunaannya hanya dalam urusan rasmi dan jarang digunakan dalam interaksi seharian yang kurang formal. Ini selari dengan kajian oleh Fariza dan rakan-rakan (2018), terhadap penggunaan Bahasa Melayu di UKM. Dapatan kajian menyatakan bahawa penggunaan bahasa standard berlaku dalam komunikasi urusan borang dan kurang digunakan ketika urusan komunikasi lisan di kaunter dengan pelanggan. Bahasa Melayu sebelum ini, tidak mempunyai satu kerangka standard untuk dijadikan rujukan oleh penggunanya tidak kira sebagai penutur bahasa pertama, mahupun bahasa kedua dan ketiga. Dalam usaha memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu, satu Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) telah digubal oleh Lokman dan rakan-rakan (2018), dan diterbitkan oleh KPM pada tahun 2019 sebagai *flipped book* dalam talian. KSBM ini diadaptasi daripada *Common European Framework Reference* (CEFR). KSBM dapat dirujuk kerana mempunyai panduan yang jelas, integral, dan lengkap untuk digunakan oleh bidang pendidikan, pekerjaan, orang awam dan persendirian mengikut tahap pengguna seperti pelajar, orang awam ataupun malim bahasa. Namun, penggunaan KSBM masih belum digunakan secara meluas dan tidak diuar-uarkan mengenai fungsinya kepada masyarakat.

Selain itu juga, jurang pendidikan bahasa antara penutur natif dan penutur bukan natif telah lama diperdebatkan. Pembinaan kurikulum di Malaysia didesak agar mempertimbangkan kesediaan murid bukan penutur natif agar mereka mendapat kesamarataan dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Zulkiefly Hamid, 2016). Di Malaysia, Bahasa Melayu juga menjadi bahasa kedua atau bahasa



ketiga bagi penutur bukan natif. Terdapat pelbagai teori penjelasan mengenai penguasaan bahasa kedua yang dapat digunakan sebagai landasan untuk perkembangan kemahiran bertutur Bahasa Melayu.

Merungkai pernyataan isu di atas, guru merupakan individu yang diberikan tanggungjawab penting ini. Guru perlu membuat pertimbangan yang rasional dalam menentukan kaedah PdPc yang sesuai untuk perkembangan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua. Kaedah PdPc yang dilaksanakan harus disesuaikan dengan tahap penguasaan murid dengan mengambil kira nilai mula pengetahuan sedia dan kemahiran berbahasa yang ada pada mereka. Oleh itu, satu rencana untuk mengatasi isu ini perlu dilaksanakan dan harus bermula daripada peringkat dasar iaitu di peringkat sekolah rendah.



Menurut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), murid perlu menguasai empat kemahiran bahasa. Teras penguasaan bahasa baku memerlukan kemahiran tersebut iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Empat kemahiran yang disebutkan tadi dapat dikategorikan pula sebagai kemahiran komunikasi yang terbahagi kepada dua iaitu kemahiran menyampaikan komunikasi dan kemahiran menerima komunikasi. (Supphiah Nachiappan, 2017). Kemahiran mendengar dan bertutur dikelaskan sebagai komunikasi media lisan secara audio-oral. Manakala kemahiran menulis dan membaca pula dikategorikan sebagai komunikasi media tulisan secara visual grafik.

Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah sentiasa ditambahbaik. Pada tahun 2017, KSSR kemudianya melalui fasa yang dinamai Kurikulum Semakan Sekolah Rendah. Tujuan semakan ini adalah supaya standard kandungan dan pembelajaran ini

setanding dengan standard antarabangsa. Ini bermakna, murid di Malaysia disasarkan agar mampu memberi saingen dalam sistem pendidikan yang bersifat global. Dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) yang bermula sejak tahun 2011, kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur sering digandingkan. Ini berikutnya kedua-dua kemahiran tersebut tergolong dalam media bahasa lisan (audio-oral,) iaitu kemahiran menyampaikan komunikasi (bertutur,) dan kemahiran menerima komunikasi (mendengar).

Sehubungan dengan itu, Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) berkenaan kemahiran mendengar dan bertutur yang terdapat dalam DSKP Bahasa Melayu SJK semakan tahun 2017, tahun 1 hingga tahun 5 telah diteliti. Melalui hasil penelitian, didapati bahawa, SK dan SP yang ditetapkan dalam kemahiran mendengar dan bertutur tidak terlalu padat berbanding kemahiran bahasa yang lain. Ini kerana, kemahiran ini berlaku secara semula jadi dan lebih mudah dipelajari berbanding kemahiran bahasa yang lain. Misalnya, hanya dua item dalam SK yang ditetapkan untuk tahun 1 hingga tahun 3 iaitu item 1.1 dan 1.2. Manakala, SK bagi tahun 4 dan 5 terdiri daripada tiga item iaitu 1.1, 1.2 dan 1.3. Item yang terdapat dalam SK adalah seperti berikut iaitu, (1.1) kemahiran mendengar, (1.2) kemahiran bertutur dan (1.3)penceritaan.

Elemen yang diterapkan dalam SK dan SP dibina secara ansur maju. Buktiannya, dalam SK 1.2 untuk tahun 1 dan tahun 2 mengandungi item yang sama iaitu (1.2) bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan. Dalam SP tahun 1, fokus pembelajaran terbahagi kepada dua iaitu (1.2.1) bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi secara bertatasusila dan (1.2.2) menyampaikan maklumat daripada bahan. Manakala, dalam SP tahun 2, fokus pembelajaran ialah (1.2.1) bertutur

untuk menjelaskan sesuatu secara bertatasusila mengikut konteks dan (1.2.2) bertutur dan menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif. Elemen penambahan yang berlaku antara dua tahun tersebut (tahun 1 dan tahun 2) ialah elemen pertuturan untuk menjelaskan maklumat tersurat dan tersirat dengan idea yang kritis dan kreatif. Maka, menjadi tanggungjawab guru supaya fokus pembelajaran yang disasarkan tersebut tercapai dengan jayanya.

Walaupun kemahiran ini seakan mudah pada konsepnya, namun kemahiran mendengar dan bertutur mempunyai cabaran tersendiri dalam proses PdPc di dalam kelas. Proses kemahiran mendengar memerlukan keupayaan murid fokus kepada maklumat yang didengari secara teliti, memahami dan mampu menginterpretasikan maklumat dalam pelbagai konteks seperti penceritaan, perbahasan atau lakonan.

Manakala, kemahiran bertutur pula menuntut murid menyampaikan idea, pendapat atau perasaan secara lisan dan spontan. Tambahan pula, Bahasa Melayu yang disasarkan menggunakan sebutan baku, sebutan yang mempunyai intonasi, serta hentian di tempat yang betul. Selain itu juga, aspek kesantunan dalam berbahasa, penggunaan tatabahasa yang betul serta pengucapan gramatis turut diberi penekanan. Dalam konteks Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, kemahiran bertutur Bahasa Melayu turut menjadi cabaran besar bagi murid bukan penutur natif .

Selaku tenaga pengajar, para guru sentiasa berusaha untuk mengatasi setiap isu yang timbul dalam PdPc. Tenaga pengajar perlu menyahut seruan kerajaan seperti yang dinyatakan dalam penegasan gelombang ke-3 PPPM. Khususnya berkaitan pelaksanaan inovasi dalam kemahiran bahasa dan keperluan meningkatkan penggunaan ICT dalam standard pembelajaran. Konklusinya, pengajaran yang berkualiti tinggi amat terkait dengan penerapan ICT dalam pendidikan. Selari dengan penerapan teknologi dalam

pendidikan, perubahan terhadap kepelbagaian pedagogi dalam pendidikan berlaku. Kaedah pedagogi ini diubahsuai dengan pengadaptasian pelbagai kaedah interaktif yang berunsur digital menggunakan bahan bantu mengajar seperti komputer atau aplikasi yang boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit.

Dalam kajian ini, semua isu berkaitan difokuskan kepada penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital dan pencapaian kemahiran bertutur murid. Kedua-dua isu fokus berkaitan sering dianggap sebagai isu berterusan yang perlu dioperasi secara eksperimental. Interpretasi permasalahan akan dihuraikan dalam pernyataan masalah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran bertutur mula dianggap mempunyai kepentingan untuk diketengahkan. Kepentingan ini dibuktikan melalui arahan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu surat pekeliling KPM.100-1/7/2 Jld. 5 (30) bertarikh 6 Jun 2018 untuk mewujudkan sudut pidato di sekolah sebagai langkah proaktif. Melalui usaha ini, sasaran terhadap kemahiran bertutur murid ialah kemampuan untuk mencapai tahap fasih, yakin, kreatif, kritis dan berhemah. Penguasaan pertuturan Bahasa Melayu dapat dikuasai oleh murid bukan penutur natif melalui PdPc kemahiran bertutur Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. (Chew dan Mohamad Adham, 2022)

Murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan kerap kali dibincangkan menghadapi isu bertutur dalam Bahasa Melayu. Rentetan isu itu seterusnya membawa kepada isu penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu (Nora'azian,

2018; Rohaida, 2020; Zamri, 2021). Ini bermakna, kemahiran bertutur perlu mendapat peluang untuk ditonjolkan dan diberi kepentingan yang sama seperti kemahiran membaca dan kemahiran menulis kerana kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang paling asas dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, pelaksanaan kajian ini adalah sebagai alternatif untuk mengenal pasti permasalahan murid dalam PdPc kemahiran bertutur. Ini juga merupakan langkah awal untuk menambah baik kemahiran bertutur murid sejak peringkat awal iaitu peringkat sekolah rendah.

Pembelajaran kemahiran bertutur dalam Bahasa Melayu perlu disusun secara komprehensif. Perkara ini dapat mengurangkan cabaran yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Teori pembelajaran yang dijadikan asas pembelajaran bahasa dalam kajian ini ialah Teori Input Krashen. Ini kerana, teori ini mencadangkan bahawa kaitan proses pemerolehan bahasa pertama amat menyamai pembelajaran bahasa kedua iaitu proses ini berlaku di luar sedar dan secara semula jadi. (Krashen, 1989). Dalam kajian (Ashrafi, 2020; Suci, 2021) menyatakan bahawa Hipotesis Penapis Afektif dalam teori ini mempunyai perkaitan dalam perkembangan bahasa daripada aspek motivasi murid. Begitu juga dengan Hipotesis Pemantau dan Hipotesis Input yang diakui dalam kajian (Nurul Afifah, 2019; Shi, 2020; Suci, 2021) mengenai kepentingannya untuk diteliti oleh guru dalam usaha menggalakkan perkembangan bahasa pertama dan pembelajaran bahasa kedua. Oleh itu, teori ini amat sesuai digunakan dalam konteks yang mengutamakan perkembangan Bahasa Melayu bagi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Teknik bercerita ialah salah satu alternatif yang dapat diterapkan dalam PdPc untuk membina kecekapan berbahasa (Adenan dan Khairuddin, 2014) dan sesuai

diimplementasikan dalam PdPc kemahiran bertutur. Teknik penceritaan yang digunakan dalam bidang pendidikan ialah teknik penceritaan secara serius. Bercerita ialah salah satu cara untuk menarik perhatian murid supaya berminat terhadap PdPc Bahasa Melayu. Kefahaman terhadap isi-isi pelajaran dan kemampuan memberikan pendapat yang wibawa adalah antara kelebihan yang diperoleh melalui teknik bercerita (Adenan dan Khairuddin, 2014). Teknik penceritaan secara awalnya dimulakan dengan penceritaan secara lisan. Kemudian, teknik penceritaan dalam pendidikan mula menggunakan bahan bantu mengajar yang berfungsi menggalakkan proses PdPc. Penerapan teknik bercerita di dalam bilik darjah dapat melahirkan suasana pembelajaran yang lebih seronok dan bermakna sekiranya menggunakan alat bantu yang sesuai seperti gambar, carta, video dan sebagainya (Martin, Avilia & Guzman, 2020). Selain suasana pembelajaran yang seronok dan bermakna, teknik bercerita juga memberikan penajaman terhadap semua kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Semua kemahiran ini akan digabung jalinkan. Teknik yang digunakan oleh guru secara khususnya perlulah mempunyai unsur yang kreatif dan menarik. Melalui kajian lalu oleh (Maureen, 2018; Wu, 2020; Yee:2020) terdapat pelbagai perbincangan mengenai perkembangan teknik penceritaan bermula daripada lisan sehinggalah yang menggunakan integrasi digital.

Penerapan teknik penceritaan ini dapat dibuktikan melalui isu yang turut sama membelenggu negara jiran iaitu Singapura. Singapura juga menghadapi isu dalam memartabatkan Bahasa Melayu. Ini berikutan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan juga bahasa pengantar dalam pendidikan di Singapura. Perkara ini dibincangkan dalam kajian (Zainaba, 2020). Bagi mengatasi isu ini, *Malay Language Centre of Singapore* mengambil inisiatif mewujudkan bahan pembelajaran Bahasa

Melayu secara cerita digital dalam bentuk animasi 2.5D bagi menarik minat murid terhadap PdPc Bahasa Melayu. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian (Muhammad Rafi, 2020) terhadap aplikasi legenda Singapura yang disimpulkan sebagai aplikasi yang menarik daripada segi visual, audio dan mempunyai kepelbagaian fungsi pembelajaran. Cerita ini turut terdapat dalam versi aplikasi yang boleh dimuat turun di telefon bimbit. Cerita digital Nusantara, cerita legenda dan cerita rakyat ini juga turut memberikan nilai murni dan menerapkan kebudayaan Melayu. Dalam kajian yang lepas oleh (Hayam, 2019; Akyar, 2020; Yang, 2020; Cetin 2021) bersetuju bahawa teknik penceritaan masa kini sering diintegrasikan dengan penggunaan teknologi digital dan lebih efektif terhadap perkembangan bahasa dan juga literasi digital murid dan tenaga pengajar.

Justeru, berdasarkan pernyataan yang disebut di atas, kajian ini cuba untuk menerapkan Teknik Cerita Rakyat Digital sebagai usaha untuk menambah baik isu kemahiran bertutur yang berlaku dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial. Kajian ini juga ingin melihat minat murid terhadap penerapan teknik cerita rakyat dalam kemahiran bertutur.

Perbezaan individu murid di dalam kelas dipengaruhi oleh kepelbagaian latar belakang sosial. Antara isu yang kerap dibincangkan dalam kemahiran bertutur ialah gangguan bahasa pertama bagi penutur bukan natif. Penguasaan sebutan murid bukan penutur natif dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Ini selari dengan dapatan kajian oleh (Nora'azian, 2018; Nur Zulaiqha, 2021) yang menyatakan bahawa kesilapan penghasilan fonem dan penghasilan sebutan baku kerap dialami oleh murid bukan penutur natif. Gangguan antara bahasa ini berlaku kerana penutur natif sudah mempunyai konsep mengenai bahasa pertama dalam minda mereka. Bahasa pertama selain Bahasa Melayu sudah tentu mempunyai bentuk bahasanya yang tersendiri.

Misalnya, dalam bahasa Tamil susunan dalam ayat didahului oleh objek, kata kerja dan subjek. Manakala, dalam Bahasa Melayu susunan didahului oleh subjek, kata kerja dan objek. Dalam Bahasa Melayu misalnya, pengguguran subjek dalam ayat masih lagi dapat membentuk ayat gramatis. Akan tetapi hal ini berlainan dengan struktur dalam bahasa Inggeris. Pengguguran subjek menyebabkan ayat menjadi tidak gramatis (Soenjono, 2007).

Selain itu juga, faktor jurang nilai mula antara penutur natif dan penutur bukan natif turut menjadi isu dalam perkembangan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Jika murid tersebut mendapat pendidikan awal di institusi pendidikan yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu dan mempunyai interaksi sosial dengan guru dan rakan dengan Bahasa Melayu, maka jurang nilai mula dapat dikurangkan. Ini selari dengan kajian lepas oleh (Nora'zian, 2018; Rohaida, 2020, Zamri, 2021) mengenai pengaruh pendidikan awal kanak kanak dan kekerapan komunikasi dalam Bahasa Melayu. Selain itu juga, kajian lepas oleh (Rohaida, 2020; Zamri, 2021) bersetuju bahawa pendapatan keluarga mempengaruhi perkembangan bahasa murid .Kategori B40 didapati hanya menggunakan Bahasa Melayu secara terhad. Melalui kajian oleh (Rohaida, 2020; Zamri, 2021) juga mendapati murid India lebih berminat terhadap penggunaan Bahasa Melayu berbanding murid Cina. Perkara- perkara seperti yang dinyatakan di atas adalah berkait dengan latar belakang seseorang murid. Aspek latar belakang sosial murid seperti kaum, bahasa pertama, pendidikan awal, pendapatan keluarga dan status penjagaan murid dapat mempengaruhi kemahiran bertutur murid. Persoalannya adakah aspek-aspek yang dinyatakan di atas merupakan faktor utama yang mempengaruhi kemahiran bertutur murid? Oleh itu, kajian ini cuba untuk menyiasat pengaruh latar belakang sosial



terhadap pencapaian murid dalam kemahiran bertutur Bahasa Melayu aspek bersoal jawab.

Kesimpulannya, berdasarkan pernyataan yang dibincangkan di atas, terdapat beberapa perkara yang menyebabkan perlunya kajian ini dilaksanakan. Di Malaysia, sangat kurang kajian berkaitan kemahiran bertutur dilaksanakan kerana prosesnya yang berlaku secara spontan dan pengukurannya yang rumit (Nora'zian, 2018). Kajian mengenai penggunaan teknik penceritaan digital dalam PdPc pula didominasi oleh kajian terhadap penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau ketiga. (Ayu, 2017; Wei, 2018; Hayam, 2019; Prechinta, 2019; Safryadin, 2019; Cetin, 2021).

Selain itu juga, terdapat banyak kajian yang lepas menerangkan tentang pengaruh latar belakang sosial terhadap kecekapan berbahasa. Namun, kajian tersebut fokus kepada kemahiran tertentu seperti kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu (Rohaida, 2020; Zamri 2021), dan juga fokus kepada aspek tertentu sahaja dalam latar belakang sosial seperti kategori murid B40 (Aziz, 2020; Rohaida,

2020; Zamri, 2021), pengaruh bahasa ibunda (Nora'zian, 2018; Rohaida, 2020; Mohamad Fadzia, 2020; Zamri, 2020; Zamri, 2021) dan pendidikan awal (Zainiah, 2018; Abu Bakar, 2019). Oleh itu, kajian ini cuba pula untuk mengukur pengaruh latar belakang sosial daripada beberapa aspek seperti kaum, bahasa pertama, kategori pendapatan keluarga, pendidikan awal dan status penjagaan.. Justeru, dalam kajian ini, Teknik Cerita Rakyat Digital cuba untuk diterapkan terhadap murid tahun lima Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebagai alternatif penguasaan kemahiran bertutur dalam Bahasa Melayu. Kajian ini juga berfokus terhadap kemahiran bertutur aspek 1.1.3



bersoal jawab untuk menjana idea seperti yang terdapat dalam DSKP BM semakan 2017, SJK.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menguji keberkesanan penerapan Teknik

Cerita Rakyat Digital terhadap pencapaian kemahiran bertutur murid tahun lima SJKC. Terdapat tiga objektif kajian yang telah ditetapkan secara khusus seperti :

- i) untuk mengenal pasti permasalahan kemahiran bertutur aspek bersoal jawab yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu
- ii) Untuk melihat perbezaan pencapaian min yang signifikan terhadap kemahiran bertutur aspek bersoal jawab antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan melalui penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital.
- iii) untuk mengkaji perbezaan pencapaian min murid yang signifikan berdasarkan latar belakang sosial bagi pencapaian dalam kemahiran bertutur aspek bersoal jawab

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian dibina berdasarkan objektif yang ditetapkan. Soalan kajian adalah seperti berikut:

- i) Apakah permasalahan kemahiran bertutur aspek bersoal jawab yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu?
- ii) Adakah terdapat perbezaan pencapaian min yang signifikan terhadap kemahiran bertutur aspek bersoal jawab antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan melalui penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital?
- iii) Adakah terdapat perbezaan pencapaian min yang signifikan berdasarkan latar belakang sosial dalam kemahiran bertutur aspek bersoal jawab?

1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat hipotesis kajian yang ditetapkan dalam kajian kuasi eksperimental ini.

Hipotesis bertujuan sebagai penjelasan sementara sebelum dapatan sebenar hasil ujian dapat dibuktikan kesahihannya. Hipotesis nol (h_0) dan hipotesis alternatif (h_a) yang ditetapkan adalah berdasarkan soalan kajian ii. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Hipotesis Nul


Tidak terdapat perbezaan pencapaian min yang signifikan terhadap kemahiran bertutur aspek bersoal jawab antara kumpulan kawalan dan rawatan melalui penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital.

- ii) Hipotesis Alternatif

Terdapat perbezaan pencapaian min yang signifikan terhadap kemahiran bertutur aspek bersoal jawab antara kumpulan kawalan dan rawatan melalui penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka Konseptual ialah satu bentuk kerangka konsep mengenai penerangan konsep kajian secara ringkas. Hubungan antara pembolehubah dan idea utama yang terdapat dalam kajian dipersembahkan dalam bentuk rajah. Rajah 1 di bawah menjelaskan mengenai kerangka konseptual kajian ini. Berikut ialah penerangan mengenainya.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Dalam rajah 1.1 di atas, kerangka konseptual kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu input, pengukuran dan output. Input dalam kajian ini dibahagikan kepada beberapa pembolehubah iaitu pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah moderator. Pembolehubah tidak bersandar ialah pembolehubah yang akan mempengaruhi output dalam kajian.

Dalam kajian ini, permasalahan murid bertutur dalam aspek bersoal jawab pembelajaran Bahasa Melayu dikenal pasti melalui statistik deskriptif hasil daripada analisis borang soal selidik. Ini juga bertujuan untuk menjawab soalan kajian i.



Setelah itu, Modul Teknik Cerita Rakyat Digital dilaksana berlandaskan Teori Hipotesis Input Krashen dan merupakan pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini. Manakala, output pula terdiri daripada pembolehubah bersandar iaitu pencapaian kemahiran bertutur murid aspek bersoal jawab murid. Modul Teknik Cerita

Rakyat Digital diimplementasikan terhadap kumpulan rawatan. Manakala, Modul Teknik Cerita Rakyat Berbantu Buku Cerita dilaksanakan ke atas kumpulan kawalan. Kedua-duanya dilaksanakan semasa minggu pelaksanaan PdPc. Keseluruhan jangka masa kajian ialah selama 8 minggu. Proses rawatan dilaksanakan selama 6 minggu setelah ujian pra dilaksanakan. Setelah itu, ujian pasca pula dilaksanakan. Pembolehubah bersandar iaitu pencapaian kemahiran bertutur aspek bersoal jawab murid merupakan output iaitu hasil yang dipengaruhi oleh input. Hasil daripada analisis tersebut, soalan ii kajian akan diselesaikan.



Seterusnya, pembolehubah moderator turut berfungsi sebagai input dalam kajian ini. Pembolehubah moderator ialah pembolehubah selain daripada pembolehubah tidak bersandar yang turut mempengaruhi output kajian. Pembolehubah moderator dalam kajian ini ialah latar belakang sosial murid. Input ini dianalisis dengan menggunakan *independent samples t –test* kepada pencapaian kemahiran bersoal jawab. Oleh itu, soalan kajian iii akhirnya dijawab.





1.8 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa pernyataan yang dapat dikemukakan berkaitan dengan kepentingan kajian ini. Antaranya, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan kepada beberapa pihak secara langsung dan tidak langsung. Seperti yang telah dinyatakan dalam pernyataan masalah, kajian ini amat perlu untuk dilaksanakan. KPM khususnya bahagian pelaksanaan kurikulum dapat meneliti semula dan memperkasakan PBD setelah pemansuhan UPSR. Rasionalnya, aspek kefasihan bertutur dalam Bahasa Melayu dapat dipupuk daripada peringkat awal, diketengahkan dan dilihat sebagai kemahiran yang tidak kurang pentingnya berbanding kemahiran lain dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Selain itu, Teknik Cerita Rakyat Digital boleh dijadikan modul dan ditambah baik isi kandungannya khasnya untuk kegunaan guru Bahasa Melayu. Misalnya, Pusat Bahasa Melayu Singapura (*Malay Language Centre of Singapore*) telah menggunakan aplikasi legenda Singapura, aplikasi Cerita Nusantara untuk kegunaan guru dan murid di sana. Ini dibuktikan melalui kajian Muhammad Rafi, (2019). Strategi penggunaan aplikasi Teknik Cerita Rakyat Digital dalam bentuk modul ini boleh dicuba di negara kita pula. Teknik ini disasarkan agar dapat menjadi alternatif penyelesaian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam kemahiran bertutur bagi murid bukan penutur natif. Murid disasarkan agar mampu menguasai kecekapan berbahasa daripada aspek pengetahuan nahu dan menerapkan kesantunan dalam berbahasa.

Selain itu, kajian ini juga menyahut seruan PPPM untuk membekalkan kualiti pengajaran yang terbaik untuk klien dan mengintegrasikan teknologi dalam PdPc. Namun, pemeliharaan budaya dan nilai murni turut diterapkan dalam cerita rakyat yang



digunakan. Secara tidak langsung, generasi akan datang yang disasarkan bukan sahaja generasi yang mahir dalam penggunaan ICT tetapi mempunyai jati diri yang teguh sebagai rakyat Malaysia.

Kajian ini juga amat berguna dalam bidang Bahasa Melayu. Realitinya, kajian berkaitan kemahiran bertutur sangat kurang dilaksanakan (Nora'azian, 2018). Prosesnya yang berlaku secara spontan dan memerlukan penelitian yang analitis merupakan satu cabaran. Kajian ini cuba untuk mengenal pasti isu kemahiran bertutur aspek bersoal jawab terhadap sampel di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan secara berobjektif melalui pengukuran beberapa pembolehubah yang ditetapkan. Pengetahuan nahu tatabahasa dan kecekapan berbahasa cuba diterapkan daripada peringkat dasar iaitu di Sekolah Jenis Kebangsaan agar isu tersebut dapat diselesaikan di peringkat awal dan tidak berlarutan di peringkat pengajian yang lebih tinggi. Bahasa Melayu ialah atas pembentukan jati diri generasi pewaris negara bagi mendepani masa depan yang lebih mencabar dalam merealisasikan slogan Bahasa Jiwa Bangsa. (Zamri dan rakan-rakan, 2020).

Justeru, kajian ini secara keseluruhannya diharapkan mampu menyumbangkan kepada kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Penggunaan Bahasa Melayu standard dapat digunakan dalam komunikasi formal dan tidak formal dalam kehidupan sehari-harian. Seterusnya, Bahasa Melayu terus gah berkembang menjadi bahasa ilmu. Rakyat Malaysia dapat disatukan melalui Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan dan bahasa penyatuan. Akhirnya, konsep negara bangsa dapat dicapai dan dihayati oleh setiap rakyat Malaysia. Negara bangsa ialah masyarakat yang berpegang kepada konsep satu bangsa dan satu identiti tetapi saling menghormati



budaya, adat resam, kepercayaan dan dapat hidup bersama di bawah satu pemerintahan dalam suasana yang harmoni. (Ayu, Mohamed Ali & Wayu, 2021)

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap murid tahun lima di salah sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Temerloh, Pahang. Sekolah ini merupakan sekolah harian dan hanya mempunyai satu sesi PdPc sahaja. Sekolah ini dipilih kerana merupakan antara sekolah yang mempunyai bilangan murid yang ramai dan mempunyai bilangan kelas yang lebih daripada dua buah kelas. Seramai 61 orang murid dilibatkan sebagai responden, iaitu 30 orang kumpulan kawalan dan 31 orang kumpulan rawatan. Murid yang dilibatkan berumur 11 tahun. Responden juga terdiri daripada murid lelaki dan perempuan dengan bilangan yang agak seimbang dalam satu kumpulan. Responden tidak mempunyai masalah pembelajaran dan juga mempunyai aras kognitif yang baik.

Kemahiran bahasa yang dilihat dalam kajian ini ialah kemahiran mendengar dan bertutur iaitu seperti yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Tahun Lima Sekolah Jenis Kebangsaan Semakan 2017. Walaupun kemahiran mendengar dan bertutur disatukan, namun kajian ini lebih fokus terhadap kemahiran bertutur aspek bersoal jawab. Aspek nada, sebutan, pemilihan leksikal yang tepat, penggunaan ayat gramatis dan kesantunan berbahasa merupakan aspek yang diperhatikan. Teknik yang diterapkan untuk kefasihan bersoal jawab dalam kajian ini hanyalah Teknik Cerita Digital Rakyat untuk kumpulan rawatan. Bagi kumpulan





kawalan pula, Teknik Cerita Rakyat Berbantu Buku Cerita digunakan. Kajian ini tidak menggunakan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lain.

Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan secara hibrid iaitu campuran secara bersemuka dan dalam talian. Pelaksanaan keseluruhan kajian ini adalah selama 8 minggu. Minggu pertama dan minggu kelapan diperuntukkan untuk ujian pra dan pasca yang dijalankan secara bersemuka dan dalam talian. Manakala, minggu rawatan iaitu pelaksanaan PdPc yang ditetapkan dalam kajian ini selama 6 minggu sebelum pelaksanaan ujian pasca iaitu pada minggu kedua hingga minggu ketujuh.

Minggu PdPc ini dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian dengan menggunakan platform *Google Meet*. Sekolah telah mengadakan sistem penggiliran iaitu hanya 15 orang murid sahaja dibenarkan berada di dalam kelas pada satu-satu masa. Oleh itu, di dalam kelas, murid dibahagikan kepada dua kumpulan. Jika murid kumpulan A hadir ke sekolah untuk sesi PdPc maka murid kumpulan B akan mengikuti kelas PdPR dalam talian. Giliran ini akan bertukar pula pada minggu hadapan. Langkah ini dilaksanakan berikutan pencegahan penularan wabak COVID-19. Oleh itu, guru bantu melaksanakan PdPc secara bersemuka dengan satu kumpulan, kemudian pada sebelah petang melaksanakan pula PdPR secara dalam talian bersama satu kumpulan lagi.

Pembinaan kertas ujian pula adalah berdasarkan tema dan unit pelajaran yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Lima Sekolah Jenis Kebangsaan.





1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional dalam kajian ini akan diuraikan mengikut istilah yang digunakan dalam tajuk kajian.

1.10.1 Penerapan

Penerapan dalam pendidikan disimpulkan sebagai tindakan yang dilaksanakan untuk mencapai sasaran. (Syarifuddin, 2011). Menurut beliau lagi, terdapat beberapa elemen dalam penerapan iaitu penyediaan satu-satu program, terdapat kumpulan sasaran yang dijangka menerima manfaat hasil daripada penerapan program, dan mempunyai individu atau organisasi yang bertanggungjawab mentadbir atau melaksanakan proses penerapan itu.

Penerapan ini konteks kajian ini dilaksanakan melalui kajian kuasi-eksperimental. Penerapan dijalankan terhadap dua kumpulan sedia ada iaitu satu kumpulan kawalan dan satu kumpulan rawatan. Modul Cerita Rakyat Berbantukan Buku Cerita diberikan kepada kumpulan kawalan manakala Modul Cerita rakyat Digital diterapkan kepada kumpulan rawatan. Modul ini disusun berasaskan teori pembelajaran Hipotesis Krashen serta mempunyai aktiviti bersoal jawab yang disusun secara komprehensif. Selain itu juga, jangka masa penerapan dan pelaksanaan modul PdPc ini telah dirancang dengan teliti. Tujuan penerapan ini adalah untuk melihat keberkesanannya terhadap kemahiran bertutur murid SJKC.



1.10.2 Teknik Cerita Rakyat Digital

Robin (2008), mengulas bahawa *Educational Digital Storytelling* (EDS) membolehkan pelajar mengembangkan literasi abad ke-21, seperti literasi digital, teknologi, maklumat, dan visual (komunikasi melalui gambar). Begitu juga, Ohler (2008) mencadangkan bahawa *EDS* menggabungkan digital, seni (reka bentuk), lisan, dan tulisan literasi. Barrett (2006) meletakkan *EDS* dalam konteks kelas dan mencadangkan agar *EDS* memudahkan penumpuan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar seperti integrasi teknologi, penglibatan pelajar, refleksi untuk pembelajaran mendalam, dan pembelajaran berdasarkan projek. *EDS*, seperti yang boleh dilihat, telah didakwa sesuai dengan pendidikan secara konseptual. Menurut Rohaya *et al.* (2019) pula, cerita rakyat merupakan cerita secara lisan yang membentuk identiti sesuatu bangsa.

Dalam konteks kajian ini, Teknik Cerita Rakyat Digital ialah satu aplikasi cerita rakyat digital yang berbentuk animasi 2.5D. Terdapat enam cerita digital yang diguna pakai dalam kajian ini iaitu Si Tanggang, Sang Kancil dan Sang Buaya, Mat Jenin, Si Luncai, Melur dan Kiambang dan Rantai Emas. Teknik Cerita Rakyat Digital ini digunakan dalam minggu rawatan iaitu semasa pelaksanaan PdPc kemahiran bertutur. Kemahiran bertutur yang difokuskan adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Semakan 2017, Bahasa Melayu Tahun Lima Sekolah Jenis Kebangsaan. Minggu rawatan ini akan dilaksanakan selama enam minggu. Guru bantu akan menayangkan cerita rakyat tersebut mengikut kesesuaian tema dan bahan yang telah dipilih melalui buku teks Bahasa Melayu SJKC Tahun Lima. Setelah itu, murid dan guru bantu akan bersoal jawab di bahagian perbincangan.

1.10.3 Kemahiran Bertutur

Bertutur didefinisikan sebagai proses interaktif yang membina makna melibatkan penghasilan, penerimaan dan pemprosesan maklumat. Bentuk dan maknanya bergantung kepada konteks, penutur yang terlibat serta tujuan percakapan tersebut berlaku. (Burns & Joyce, 1997). Kemahiran bertutur yang difokuskan dalam kajian ini ialah aspek bersoal jawab.

Ujian pencapaian kemahiran bertutur aspek bersoal jawab yang dibina adalah berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks Tahun Lima Sekolah Jenis Kebangsaan. Dalam konteks kajian ini, pencapaian kemahiran murid diuji daripada aspek nada, sebutan, pemilihan leksikal yang tepat, penggunaan ayat yang gramatis dan kesantunan berbahasa. Pencapaian ujian kemahiran bertutur aspek bersoal jawab dioperasikan ke dalam bentuk skor. Kemahiran bertutur yang diuji adalah berpandukan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Bahasa Malaysia Tahun Lima SJK. Aspek yang dilihat ialah 1.0) kemahiran mendengar dan bertutur. Standard kandungan yang diperhatikan iaitu, 1.2) bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan. Standard pembelajaran adalah berfokus kepada 1.2.3) bersoal jawab untuk menjana idea tentang sesuatu perkara .



1.10.4 Murid SJKC

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, murid SJKC mengikuti sistem persekolahan sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Murid SJKC dalam kajian konteks ini ialah Murid Tahun Lima yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam Daerah Temerloh. Murid ini bersekolah di sekolah harian yang mempunyai satu sesi persekolahan sahaja. Berumur dalam lingkungan 11 tahun serta merupakan murid lelaki dan perempuan yang didominasi kaum Cina. Murid juga mempunyai pelbagai latar belakang sosial meliputi kaum, bahasa pertama, pendidikan awal, pendapatan keluarga dan status penjagaan.

Murid yang dilibatkan adalah seramai 61 orang dengan pecahan jantina yang agak seimbang. Murid yang dilibatkan dalam kajian ini akan menggunakan sampel sedia ada yang disediakan oleh sekolah.

1.11 Rumusan Bab

Penerapan Teknik Cerita Rakyat Digital merupakan satu alternatif bagi mengatasi isu kemahiran bertutur di peringkat sekolah rendah. Penggunaan teori berasaskan Teori Hipotesis Input Krashen dianggap bertepatan untuk mencari penyelesaian isu kemahiran bertutur yang melibatkan murid bukan penutur natif. Melalui cerita rakyat digital yang digunakan, murid dapat mempelajari kemahiran bertutur dalam Bahasa Melayu dengan suasana yang menyeronokkan dan bermakna. Proses pembelajaran itu



sendiri memberi makna kepada murid melalui interaksi sosial yang berlaku secara semula jadi. Melalui perbualan dan pertanyaan, proses pembelajaran bahasa berkembang dengan positif. Pembetulan kesilapan mengenai pengetahuan nahu, kecekapan berbahasa serta kesantunan akan berlaku secara semula jadi. Selain itu juga, pendedahan terhadap penggunaan ICT serta penerapan budaya dan nilai murni dalam cerita rakyat merupakan elemen yang ditekankan dalam kajian ini. Murid mendapat pendedahan yang seimbang antara penggunaan teknologi dan kepentingan memelihara jati diri.

Selain itu juga, dalam bab ini disimpulkan secara khusus mengenai objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional. Kajian yang lalu dan pendapat sarjana turut disertakan untuk menyokong penulisan berkaitan keperluan kajian ini dilaksanakan. Justifikasi lebih lanjut mengenai kajian-kajian lalu yang berkaitan akan didapati dalam bab seterusnya.